

BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

SESI DISEMBER 2019

Buku ini terdiri daripada **3 (tiga) bahagian** dan **13 mukasurat bercetak** :

- a) Maklumat Am
- b) Maklumat Pendaftaran
- c) Senarai Semak

ARAHAN :

1. Baca dengan teliti semua maklumat yang terkandung di dalam buku ini, fahamkan dan ambil semua tindakan yang berkaitan dengan segera.
2. Lengkapkan semua borang-borang pendaftaran iaitu **Surat Tawaran, Borang Jawapan Tawaran (BJT-JPP) dan Borang HEP1 – HEP6** yang boleh dimuat turun di <http://ambilan.mypolycc.edu.my>
3. Bawa buku ini dan borang-borang pendaftaran yang telah dilengkapkan pada hari pendaftaran.

No. 2-14, Jalan Setiawangsa 10,
Taman Setiawangsa,
54200 Kuala Lumpur
Office: 03-42518000 Fax: 03-42517979
<http://www.pmkl.edu.my>

PERINGATAN:

**PELAJAR DIWAJIBKAN MEMBUKA AKAUN SIMPANAN WAJIB DALAM
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)
(SEKIRANYA MEMOHON PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN)**

1. YURAN PENGAJIAN

Bank: BANK ISLAM

Terdapat 3 cara pembayaran yuran pengajian:

A. ATM BANK ISLAM- Cara Pembayaran POLITEKNIK KPT

1. Pilih menu LAIN-LAIN
2. Pilih menu PEMBAYARAN BIL/YURAN IPT
3. Pilih menu YURAN IPT
4. Pilih Akaun Pembayar (akaun yang akan didebitkan)
5. Masukkan No. Kad Pengenalan Pelajar
6. Pilih Bil yang ingin dibayar
7. Sahkan amaun yang ingin dibayar
8. Transaksi selesai dan ambil resit

B. CDM BANK ISLAM – Cara Pembayaran POLITEKNIK KPT

1. Pilih menu YURAN IPT
2. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
3. Pilih POLITEKNIK KPT
4. Sahkan data dan masukkan wang
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. Transaksi selesai dan ambil resit

C. INTERNET BANKING – cara pembayaran POLITEKNIK KPT

1. Layari www.bankislam.com.my
2. Klik logo "Internet Banking Login" dan tekan butang "ok" pada "Security Alerts".
3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
4. Pilih "Bill Presentment" pada menu "Bill Payment".
5. Pilih "**Politeknik KPT**" pada senarai "payee corporation".
6. Masukkan "No Kad Pengenalan" pada ruang IC/Passport number dan klik "next".
7. Klik 'select' pada bill reference untuk paparan maklumat pembayaran
8. Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih "source account" yang hendak di debitkan dan
9. Masukkan jumlah amaun yang hendak dibayar dan klik "pay"
10. Maklumat bayaran dipamerkan untuk tujuan varifikasi. Klik 'confirm' untuk pengesahan pembayaran.
11. Cetak pengesahan pembayaran sebagai bukti pembayaran.
12. Skrin berikut akan menunjukkan maklumat bayaran yang telah dilakukan. Calon adalah dinasihatkan membuat salinan untuk simpanan sendiri.

**BAWA SALINAN ASAL SERTA SALINAN FOTOSTAT SLIP
PEMBAYARAN PADA HARI PENDAFTARAN (SILA BELAKANG SLIP
DENGAN NAMA PELAJAR, NO IC DAN PROGRAM)**

2. BAYARAN PELBAGAI

Bank: **MAYBANK**

MAKLUMAN PENTING

Pembayaran bayaran pelbagai boleh dibuat melalui **3 kaedah** di bawah.
Pembayaran cek/tunai TIDAK DITERIMA.

Cara bayaran melalui : **DEPOSIT TUNAI (CDM) / ATM / INTERNET BANKING**
Bank : **MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK)**
Bayar atas nama : **KOPERASI POLIMETRO KUALA LUMPUR BHD**
No.Akaun : **562188304569**

Rujuk Jadual 1

BAWA SALINAN ASAL DAN SALINAN FOTOSTAT SLIP WANG TUNAI MASUK PADA HARI PENDAFTARAN (SILA TULIS PADA BELAKANG SLIP DENGAN NAMA PELAJAR, NO IC DAN PROGRAM)

JADUAL 1

TARIKH PENDAFTARAN: 2 Disember 2019 (Isnin)

Bertempat di POLITEKNIK METrO KUALA LUMPUR)

Program	Masa Pendaftaran Pelajar (Mengikut Program)	Masa Taklimat Am (Ibubapa/Penjaga)
Diploma Pengurusan Hotel (DHM) & Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) (DDT)	8.30 pagi – 10.00 pagi	9.30 pagi – 10.30 pagi
Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM)	10.45 pagi – 12.00 tengah hari	11.30 pagi – 12.00 tengah hari

PELAJAR DIWAJIBKAN BERPAKAIAN KEMAS SEPERTI YANG DITETAPKAN DIDALAM BUKU PENDAFTARAN INI SEMASA MENDAFTAR (RUJUK MUKASURAT 10 & 11) DAN SEBAGAIMANA YANG DITETAPKAN DALAM PERATURAN AM DAN TATATERTIB (AKTA 174)

Yuran Pengajian

Bil	Perkara	RM	Cara Bayaran
1	Yuran Pengajian	200.00	Sila rujuk mukasurat 2 untuk kaedah pembayaran yuran pengajian. (3 pilihan kaedah pembayaran) Pembayaran di BANK ISLAM atas nama POLITEKNIK KPT
	JUMLAH	200.00	

Bayaran Pelbagai

Bil	Diploma Pengurusan Hotel (DHM) / Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM) / Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) (DDT)	RM	Cara Bayaran
1	Bayaran Pelbagai (Lelaki) (Perempuan)	600.00 600.00	Bayar atas nama “ KOPERASI POLIMETRO KUALA LUMPUR BHD di MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK) No Akaun : 562188304569
	JUMLAH	600.00	

A. MAKLUMAT AM

Baca dengan teliti maklumat/arahan berikut dan sila ambil tindakan yang sewajarnya agar urusan pendaftaran anda berjalan lancar dan anda dapat memulakan pengajian di **Politeknik METrO Kuala Lumpur** dengan selesa.

PANDUAN UNTUK KE POLITEKNIK METrO KUALA LUMPUR

Sila rujuk pelan Politeknik METrO Kuala Lumpur di <http://ambilan.mypolycc.edu.my/>. atau Google Maps/WAZE. Peringatan penting bagi pelajar yang datang dengan kenderaan sendiri, sila patuhi arahan meletak kenderaan dikawasan Politeknik.

1. PERINGATAN SEBELUM PENDAFTARAN

- a. Semakan **DOKUMEN ASAL** akan dilakukan pada hari pendaftaran. **Bawa semua dokumen asal** yang dikehendaki oleh Politeknik METrO Kuala Lumpur pada hari pendaftaran. **Pendaftaran anda akan DITOLAK sekiranya anda gagal menunjukkan dokumen-dokumen tersebut.**

Kementerian Pendidikan Malaysia juga berhak **MENARIK BALIK** tawaran kemasukan ke Politeknik ini sekiranya terdapat **percanggahan maklumat** di antara dokumen asal dengan maklumat yang telah anda berikan semasa memohon ke politeknik.

- b. Lengkapkan **semua borang pendaftaran** yang telah dimuat turun sebelum diserahkan kepada Politeknik METrO Kuala Lumpur semasa pendaftaran.

2. YURAN & BAYARAN LAIN

Semua pelajar **PERLU membuat bayaran** di bank berkaitan **2 hari SEBELUM membuat pra-pendaftaran online dan hadir mendaftar pada hari pendaftaran.** PERINGATAN: Pembayaran di kaunter pendaftaran secara tunai pada hari pendaftaran tidak dibenarkan.

1. Jumlah bayaran adalah seperti **JADUAL 1**.

- a. Pelajar perlu membuat **2 (DUA) jenis bayaran** meliputi Bayaran 1 iaitu **Yuran Pengajian**, Bayaran 2 iaitu **Bayaran Pelbagai**. Sila rujuk **JADUAL 1** yang diberi.
- b. Slip bayaran bank yang telah dibuat perlu dibawa untuk ditunjukkan semasa pendaftaran nanti. **Sila catatkan nama, no kad pengenalan dan nama program di setiap Slip Bank anda.**

- c. Anda tidak boleh didaftarkan sebagai pelajar politeknik sekiranya gagal menjelaskan sebarang bayaran pada hari pendaftaran. Semua pembayaran dalam bentuk Tunai, Cek, dan Draf Bank **tidak akan diterima.**
- d. Pelajar yang mendapat tajaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta **DIWAJIBKAN** membawa bersama surat pengesahan penajaan semasa mendaftar. Mana-mana bayaran yang tidak ditanggung oleh penaja ataupun dalam proses permohonan kepada penaja hendaklah dijelaskan semasa pendaftaran.

2. PRA PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU (ONLINE)

Sila layari laman url <http://spmp.pmk1.edu.my> untuk membuat pra-pendaftaran pengajian mulai **15 November 2019** atau selepas **dua (2) hari** anda selesai menjelaskan bayaran **Yuran Pengajian** dan **Bayaran Pelbagai**. Bagi mengelakkan kerumitan semasa pendaftaran, **sila patuhi masa yang ditetapkan untuk membuat pra pendaftaran online** sebelum pelajar datang mendaftar pada **2 Disember 2019**.

Cetak Slip **Pengesahan Pendaftaran Online** dan **bawa semasa mendaftar** pada hari pendaftaran.

3. BANTUAN KEWANGAN

Politeknik METrO Kuala Lumpur **TIDAK** menjamin sebarang bantuan biasiswa/pinjaman kewangan kepada pelajar. Tawaran biasiswa/pinjaman adalah di luar bidang kuasa Politeknik.

Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk sara hidup, pengangkutan, alat pembelajaran, buku dan lain-lain.

4. RUPADIRI

Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah **sentiasa** berpakaian kemas, bersih dan sopan. Pelajar Islam digalakkan berpakaian menutup aurat.

Semua jenis pakaian yang ketat/menjolok mata adalah dilarang.

Semua pelajar diwajibkan memakai **baju T berkolar/baju T Kokurikulum** dan seluar trek (track bottom) dan kasut yang bersesuaian **semasa aktiviti kokurikulum/sukan.**

Panduan Pakaian dan Rupa Diri Pelajar Semasa Menghadiri Kuliah dan aktiviti di Kampus:

BAJU KEMEJA BERLENGAN PANJANG, BERTALI LEHER, BERKASUT dan BERSTOKIN sepanjang sesi perkuliahan.

Pelajar hendaklah **sentiasa** kemas, bersih, dan sopan. Pelajar Islam diwajibkan berpakaian menutup aurat.

5.1 RUPADIRI PELAJAR LELAKI

5.1.1 Pakaian ke Kelas/Bengkel/Makmal

- i. Baju kemeja berleengan panjang.
- ii. Baju “T” berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik. Baju “T” tidak berkolar **TIDAK** dibenarkan.
- iii. Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).
- iv. Baju hendaklah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.
- v. Pemakaian baju kebangsaan dibenarkan tetapi hendaklah lengkap bersampin, berkasut dan bersongkok hitam.
- vi. Berseluar “slack”.
- vii. Berkasut (sepatu) dan berstokin.
- viii. Selipar, terompah, kasut sukan/sneakers, ‘loafers’, capal dan seumpamanya **TIDAK** dibenarkan.
- ix. Sebarang bentuk perhiasan **TIDAK** dibenarkan.

5.1.2 Rambut

- a. Rambut hendaklah sentiasa pendek dan kemas. Paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras atas telinga dan paras depan tidak melebihi paras dahi.
- b. Rambut berfesyen seperti “afro”, “punk”, “mohawk”, berekor atau diwarnakan **TIDAK** dibenarkan.

RAMBUT HENDAKLAH SENTIASA KEMAS DAN



TIDAK
MELEBIHI
KOLAR BAJU



TIDAK
MENUTUPI
TELINGA



TIDAK
MENUTUPI
DAHI

4.2 RUPADIRI PELAJAR PEREMPUAN

5.2.1 Pakaian Ke Kelas/Bengkel/Makmal

- i. Pakaian yang menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan **TIDAK** dibenarkan.
- ii. Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai “skirt” yang lebih pendek dari paras lutut.
- iii. Baju “T” berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik.
- iv. Baju “T” tidak berkolar **TIDAK** dibenarkan.
- v. Berseluar yang tidak ketat.
- vi. Selipar, terompah, kasut bertumit tinggi (yang runcing) **TIDAK** dibenarkan. Kasut yang berladam logam yang berbunyi juga **TIDAK** dibenarkan.

5.2.2 Rambut

- a. Rambut hendaklah kemas. Rambut berfesyen seperti berekor atau diwarnakan **TIDAK** dibenarkan.
- b. Pelajar Islam diwajibkan memakai tudung.


5.2.3 Perhiasan

Memakai barang kemas yang berlebihan **TIDAK** digalakkan.

5.3 PAKAIAN UNTUK RIADAH

Pelajar hendaklah memakai pakaian yang sesuai dengan aktiviti dan persekitaran.

Penampilan Rupadiri Pelajar Lelaki/Pelajar Perempuan

LELAKI				PEREMPUAN				
								
KEMEJA BERLENGAN PANJANG/ PENDEK		BAJU MELAYU	BAJU JENIS T-SHIRT BERKOLAR DAN BERLENGAN PENDEK	BAJU KURUNG		BAJU KURUNG MODEN		BAJU KASUAL

6.0 HAL-HAL LAIN

- 6.1 Semua pelajar dinasihatkan membawa pakaian sukan yang sesuai dan memenuhi syarat-syarat pakaian seperti dijelaskan dalam bahagian 5.
- 6.2 Sediakan mesin kira (calculator) saintifik yang tidak boleh diprogramkan.

B. PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Anda dinasihatkan supaya membaca maklumat dan arahan dibawah dengan teliti supaya urusan supaya hari pendaftaran berjalan dengan lancar. **Anda tidak akan didaftarkan sekiranya mana-mana perkara yang disebutkan di bawah tidak dipenuhi.**

1. HARI PENDAFTARAN

Anda hendaklah hadir untuk mendaftar diri sebagai pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur pada hari dan waktu seperti yang dinyatakan dalam surat panggilan. Jika anda tidak mendaftar pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan bermakna anda menolak tawaran ini.

3. PERKARA-PERKARA YANG MESTI DIBAWA PADA HARI PENDAFTARAN:-

- 3.1 Dokumen-dokumen **ASAL** yang berikut:-
 - a) Kad Pengenalan,
 - b) Surat Tawaran ke Politeknik,
 - c) Sijil atau slip Keputusan Peperiksaan SPM/SPM(V), atau Sijil Kolej Komuniti/SKM yang mana berkaitan
 - d) Sijil Berhenti Sekolah,
 - e) Dokumen kokurikulum yang berkaitan (terutamanya yang mewakili Negara dan negeri)
 - f) Surat Akuan/Testimonial sekolah (jika berkaitan),
 - g) Borang-borang pendaftaran berikut yang **TELAH LENGKAP** di isi:-
 - i. Borang Maklumat Peribadi pelajar – **BHEP 1**,
 - ii. Laporan Pemeriksaan Doktor – **BHEP 2**,
 - iii. Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga untuk Rawatan Pembedahan – **BHEP 3**,
 - iv. Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung – **BHEP 4**,
 - v. Akuan Pelajar **BHEP 5**,
 - vi. Aku Janji Pelajar **BHEP 6**

(jika anda tidak mengemukakan dokumen-dokumen ASAL untuk semakan, anda tidak layak didaftarkan)

- 3.2 **Slip Pengesahan Pra Pendaftaran Online** pelajar

- 3.3 Bayaran melalui bank hendaklah dilakukan **selewat-lewatnya pada 30 November 2019 (Sabtu)** untuk memudahkan pra pendaftaran online berjalan lancar di <http://spmp.pmkl.edu.my> dan bawa semua salinan asal dan salinan fotostat slip bank semasa hari pendaftaran sebagai bukti pembayaran.

SEMUA PEMBAYARAN YANG TELAH DIBUAT TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN sekiranya anda berhenti dari menjadi pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur.

Pelajar yang mendapat tajaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta hendaklah membawa bersama **surat pengesahan penajaan** yang asal beserta satu salinan semasa mendaftar. Mana-mana bayaran yang tidak ditanggung oleh penaja hendaklah dijelaskan oleh pelajar semasa pendaftaran.

- 3.4 **Tiga (3) keping gambar berwarna** yang terbaru **berukuran pasport**. Semua **pelajar lelaki hendaklah berkemeja dan berambut pendek** ketika bergambar. Pelajar perempuan pula berpakaian yang tidak mendedahkan bahagian bahu dan pelajar perempuan Islam **diwajibkan bertudung**. Sila catatkan nama, no. kad pengenalan dan program anda di belakang setiap keping gambar.

4. PAKAIAN DAN RUPADIRI SEMASA HARI PENDAFTARAN DAN SEPANJANG MINGGU HALUAN SISWA (MHS)

- a) Pelajar lelaki **DIWAJIBKAN** memakai kemeja **PUTIH** lengan panjang, berseluar slack panjang berwarna **HITAM** (jeans tidak dibenarkan), berstoking, bertali leher warna gelap dan berkasut hitam (sepatu) semasa mendaftar dan sepanjang menjalani Minggu Haluan Siswa.
- b) Pelajar perempuan **DIWAJIBKAN** memakai baju kurung **PUTIH** dan berkain **HITAM** (susun kipas belakang), bertudung hitam (bagi yang beragama Islam), berstoking, berkasut tutup hitam dan bertumit (1-2 inci) semasa mendaftar dan sepanjang menjalani Minggu Haluan Siswa.
- c) Pelajar-pelajar lelaki hendaklah memakai **seluar panjang/slack dan baju kemeja putih**. Pelajar-pelajar perempuan (Islam) hendaklah berpakaian kemas dan menutup aurat. Bagi pelajar-pelajar bukan Islam hendaklah memakai pakaian yang bersih, kemas dan tidak menjolok mata. Pakaian yang ketat, jarang pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, bahu dan belakang adalah **tidak dibenarkan**.

d) **Berkasut dan berstoking.**

*('loafers', 'sneakers', 'stilettos' atau kasut sukan tidak dibenarkan)



*Contoh kasut hitam bertumit pelajar perempuan



*Contoh kasut/sepatu hitam pelajar lelaki

- e) Rambut* mestilah kemas. Rambut pelajar lelaki hendaklah pendek. Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju, aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga dan aras depan tidak melebihi aras dahi.
- f) Topi, baju-T, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan (track bottom) **adalah dilarang**. (*Sila rujuk Maklumat am – Bahagian 5 – Rupadiri)



Pakaian dan Rupadiri Pelajar Baharu semasa Hari Pendaftaran dan sepanjang menjalani Minggu Haluan Siswa sesi Dis 2019.

5. **HAL-HAL LAIN**

5.1 Semua pelajar **diwajibkan** mengikuti **Program Minggu Haluan Siswa (MHS)**.

Sila rujuk aturcara Minggu Haluan Siswa seperti yang terdapat di dalam **Buku Program MHS** (akan diberikan kepada setiap pelajar pada hari pendaftaran).

ARAHAN KEPADA CALON

1. Borang BHEP 1-6

Calon dikehendaki memuat turun, mencetak dan melengkapkan semua borang iaitu **BHEP 1-6** (dimuat turun di <http://ambilan.mypolycc.edu.my/>) sebelum hadir melapor diri. Borang-borang tersebut hendaklah diserahkan di kaunter yang disediakan semasa melapor diri.

2. Pra Pendaftaran Online Pelajar Baharu

Sila layari laman URL <http://spmp.pmkl.edu.my> untuk membuat pra-pendaftaran pengajian mulai **15 November 2019** atau selepas **dua (2) hari** anda selesai menjelaskan bayaran **Yuran Pengajian** dan **Bayaran Pelbagai**. Bagi mengelakkan kerumitan semasa pendaftaran, sila patuhi masa yang ditetapkan untuk **membuat pra pendaftaran online mulai 15 November sehingga 1 Disember 2019** sebelum pelajar datang mendaftar pada **2 Disember 2019 (Isnin)**. Cetak Slip **Pengesahan Pendaftaran Online** dan **bawa semasa mendaftar** pada hari pendaftaran.

3. Yuran Pengajian

Terdapat **3 kaedah** pembayaran yuran pengajian. Pelajar boleh merujuk **mukasurat 2** untuk keterangan lanjut. Pembayaran yuran hendak dibuat **selewat-lewatnya pada 30 November 2019 (Sabtu)**. Bayaran boleh dibuat di mana-mana cawangan **BANK ISLAM** sebelum hari pendaftaran. Sila pastikan maklumat yang ditulis pada slip berkenaan adalah betul sebelum membuat bayaran sepertimana yang telah ditetapkan dalam Buku Panduan ini. **Ingat! Sebarang bayaran telah dibuat tidak akan dikembalikan apabila calon telah mendaftar.**

4. Bayaran Pelbagai

Sila buat bayaran pelbagai dengan memilih salah satu **3 kaedah pembayaran (ATM/CDM/Internet Banking)** yang dinyatakan di mana-mana cawangan **MAYBANK** dengan jumlah wang mencukupi sepertimana yang telah ditetapkan dalam **mukasurat 3**. Bayaran boleh dibuat di mana-mana cawangan Maybank sebelum hari pendaftaran. **Pembayaran secara cek/wang tunai/bank draf tidak diterima.**

5. Dokumen Asli

Calon-calon hendaklah memastikan **Surat Tawaran** dan semua **Sijil/Dokumen Asal** dibawa semasa pendaftaran. Sila patuhi masa dan tarikh Pendaftaran yang telah ditetapkan. Ibu/bapa/penjaga yang mengiringi calon, bolehlah meninggalkan kampus setelah mendaftarkan diri. Sila **SIMPAN SESALINAN SURAT TAWARAN** sehingga pelajar tamat pengajian untuk tujuan bantuan pendidikan dan sebagainya

6. Tempat letak kenderaan

Calon yang hadir dengan kenderaan (kenderaan sendiri atau kenderaan awam), sila ke tempat/parkir kenderaan yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur – Caw Setiawangsa. Harap maklum, bahawa pihak Politeknik METrO Kuala Lumpur tidak menyediakan tempat meletak kenderaan dan anda dikehendaki menyediakan kupon meletak kenderaan yang boleh didapati di mesin kupon kenderaan yang berdekatan.

POLITEKNIK METrO KUALA LUMPUR
SENARAI SEMAK SEBELUM HADIR PADA HARI PENDAFTARAN

Semak dan tandakan ✓ pada petak yang berkenaan sekiranya perkara-perkara berikut telah disediakan oleh anda, sebelum bertolak ke **Politeknik METrO Kuala Lumpur** untuk mendaftar diri.

- | | | |
|-----|--|--------------------------|
| 1. | Dokumen-dokumen Asal
(Peringatan: Kegagalan membawa dokumen-dokumen ASAL akan mengakibatkan pendaftaran anda DITOLAK) | |
| 1.1 | Kad Pengenalan | ☐ |
| 1.2 | Surat Tawaran Pengajian ke Politeknik METrO Kuala Lumpur & Sijil/Dokumen ASAL | ☐ |
| 1.3 | Sijil atau Slip Keputusan Peperiksaan SPM/SPM(V) | ☐ |
| 1.4 | Sijil/Transkrip KK/SKM/IKM *jika berkaitan | ☐ |
| 1.5 | Dokumen-dokumen/sijil-sijil Kokurikulum (jika berkaitan – terutamanya yang mewakili Negara dan negeri) | ☐ |
| 1.6 | Sijil Berhenti Sekolah | ☐ |
| 1.7 | Surat Akuan/Testimonial Sekolah *jika berkaitan | ☐ |
| 1.8 | Slip Pengesahan Pra Pendaftaran Online SPMP PMKL DIS 2019 | ☐ |
| 1.9 | Borang-borang Pendaftaran telah LENGKAP diisi dan DISAHKAN | |
| | a) BHEP 1: MAKLUMAT PERIBADI PELAJAR | ☐ |
| | b) BHEP 2: LAPORAN PEMERIKSAAN DOKTOR | ☐ |
| | c) BHEP 3: KEBENARAN UNTUK RAWATAN PEMBEDAHAN | ☐ |
| | d) BHEP 4: IKRAR PELAJAR DAN LEPAS TANGGUNG | ☐ |
| | e) BHEP 5: AKUAN PELAJAR | ☐ |
| | f) BHEP 6: AKU JANJI PELAJAR | ☐ |
| 2 | 2.1 Salinan (Asal & Fotostat) Slip Pembayaran Yuran Pengajian bank BIMB berjumlah RM200.00 atas nama POLITEKNIK KPT. (Yuran Pengajian)
(dibelakang setiap slip ditulis nama penuh pelajar, no ic dan program) | ☐ |
| | 2.2 Salinan (Asal & Fotostat) Slip Maybank atas nama KOPERASI POLIMETRO KUALA LUMPUR BHD berjumlah RM600.00 (No Akaun : 562188304569)
(dibelakang setiap slip ditulis nama penuh pelajar, no ic dan program) | ☐ |
| 3 | Gambar warna terbaru (<i>saiz pasport sebanyak 3 keping</i>)
(dibelakang setiap gambar ditulis nama penuh pelajar, no IC dan program) | ☐ |
| 4. | Berpakaian kemas dan mengikut rupadiri yang ditetapkan semasa hari Pendaftaran dan Minggu Haluan Siswa. Rujuk mukasurat 10 dan 11. | ☐ |

SELAMAT MAJU JAYA
POLITEKNIK METrO KUALA LUMPUR

